



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Makalah Akademia

BERUK KENTOI SI MUKA MERAH

Oleh

Nur Azimah Osman¹, Badrul Munir Md Zain²

¹Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

²Jabatan Sains Biologi dan Bioteknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

azimah@uitm.edu.my

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR

Malaysia mempunyai kepelbagaian kumpulan primat (monyet) yang agak tinggi, iaitu mencapai 25 spesis. Spesis primat yang terdapat di Malaysia antaranya adalah kera, beruk, lutong, siamang, orang utan, konkang, ungka dan beruk kentoi. Beruk kentoi atau nama saintifiknya *Macaca arctoides*, hidup secara meluas di seluruh Asia Selatan, Barat Daya China dan Asia Tenggara termasuk Myanmar, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam dan Malaysia. Di Malaysia, spesis ini hanya dapat ditemui di hutan separa luruh iaitu Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, Perlis. Taman Negeri Perlis (TNP) mempunyai keluasan tapak 5015 ha merangkumi Hutan Simpan Mata Ayer dan Hutan Simpan Wang Mu.

Kumpulan penyelidik Malaysia yang diketuai oleh Prof. Dr. Badrul Munir Md Zain dari Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjalankan kajian awal pemerhatian beruk kentoi secara intensif di TNP dan menerbitkan hasil dapatan kajian di dalam jurnal antarabangsa Biodiversitas pada tahun 2019.

Hasil kajian tersebut menunjukkan terdapat dua kumpulan beruk kentoi di TNP yang dinamakan Batat dan Nomad dengan jumlah individu sebanyak 171 hingga 176 ekor. Kebanyakan ahli dalam kedua-dua kumpulan tersebut terdiri daripada beruk kentoi juvenil. Beruk kentoi hidup dalam kumpulan multi jantan dan multi betina. Individu betina akan kekal dalam kumpulan asalnya manakala individu jantan yang telah mencapai kematangan akan berhijrah ke kumpulan lain untuk mengawan dan membiak. Fizikal beruk kentoi merujuk kepada bulu yang berwarna perang, tebal, panjang dan gelap menutupi badan serta ekornya yang pendek (Gambar 1). Spesis ini mempunyai wajah unik berwarna merah jambu atau merah terang yang akan menjadi coklat gelap atau hampir hitam ketika meningkat umur dan terdedah kepada cahaya matahari (Gambar 2).

Kawasan kumpulan Nomad berkeliaran adalah lebih luas berbanding kumpulan Batat. Kawasan keliaran utama kumpulan Batat adalah di ladang kelapa sawit yang terdapat di TNP manakala kumpulan Nomad boleh dilihat berkeliaran sehingga ke menara tinjau Wang Kelian.

Beruk kentoi amat sensitif dengan kehadiran manusia. Sekiranya menyedari ancaman menerusi kehadiran manusia, beruk kentoi akan melarikan diri dan bersembunyi di kawasan hutan yang lebih dalam.

Pengalaman ini dirasai sendiri oleh penulis semasa menjalankan pemerhatian beruk kentoi di lapangan. Walau bagaimanapun, kehadiran beruk kentoi dapat dirakam dari dalam kenderaan ketika memasuki kawasan hutan TNP.



Gambar 1: Beruk kento jantan melintasi jalan raya berhampiran Taman Negeri Perlis




Gambar 2: Beruk kento di hutan separa luruh Taman Negeri Perlis

Beruk kento gemar menghabiskan masanya di lantai hutan dengan berjalan-jalan dan mencari makanan pada awal pagi sehingga menjelang tengahari. Walaupun kebanyakan masa dihabiskan untuk bergerak di atas tanah, spesis ini juga mencari makanan seperti buah-buahan dan daun muda di atas pokok serta melarikan diri ke atas pokok apabila menyedari ancaman bahaya (Gambar 3). Beruk kento merupakan haiwan omnivor. Kajian kepelbagaian diet beruk kento di TNP menunjukkan diet spesis ini merangkumi pelbagai jenis tumbuhan serta sebahagian spesis serangga sebagai sumber makanan. Antara spesis tumbuhan utama yang dimakan oleh beruk kento di TNP adalah saraca kuning (*Saraca thaipingensis*) dan ara (*Ficus carica*). Manakala spesis serangga yang dimakan oleh beruk kento pula adalah kumbang dan labah-labah. Kedua-dua jenis sumber makanan ini kaya dengan nutrisi tersendiri yang menyumbang kepada tenaga beruk kento di TNP.

Beruk kento disenarai merah sebagai spesis primat yang terdedah kepada ancaman oleh *International Union for Conservation of Nature* (IUCN). Spesis ini turut dilaporkan terancam di India dan telah pupus di Bangladesh. Tidak terkecuali, beruk kento di TNP turut diancam oleh aktiviti pemburuan haram.

Semasa mengadakan pemerhatian di lapangan, penulis turut melihat seekor individu beruk kento mempunyai kecacatan pada sebelah kaki akibat terperangkap dalam jerat yang dipasang pemburu. Menurut kajian ahli primatologi terdahulu, haiwan primat diburu kerana sebahagian daripada anggota badan haiwan tersebut digunakan untuk mengubati penyakit. Selain itu primat turut dijadikan haiwan peliharaan dan sumber makanan bagi sesetengah masyarakat terutamanya di kalangan Orang Asli. Kesemua aktiviti ini adalah salah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta 716: Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Pada hemat penulis, beruk kento merupakan khazanah warisan alam yang unik di utara Semenanjung Malaysia. Habitat semula jadi beruk kento di TNP perlu dikekalkan dan dipelihara daripada faktor antropogenik seperti penebangan hutan dan pembukaan tanah baru yang boleh mengancam kelangsungan dan pengembangan populasi spesis ini. Kelangsungan spesis ini amat penting dan memberi manfaat kepada manusia secara saintifik terutamanya daripada segi kestabilan alam semula jadi.



Gambar 3: Beberapa individu beruk kento berada di atas pokok ara di Taman Negeri Perlis